



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PAMERAN RONA JIWA MALAYSIA: BERSAMA MEMBINA NEGARA BANGSA

PUTRAJAYA, 3 September – Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menganjurkan **Pameran Rona Jiwa Malaysia: Bersama Membina Negara Bangsa** sempena **Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026**.

Pameran yang berlangsung hingga **19 September 2026**, di **Ruang Pameran, Aras 1, Bangunan Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia** ini mengetengahkan keunikan sejarah, budaya dan warisan **13 negeri di Malaysia**.

Antara tarikan utama ialah paparan sejarah negeri, alat muzik dan kesenian tradisional, pakaian, makanan serta permainan warisan yang mencerminkan kepelbagaian identiti masyarakat Malaysia. Pengunjung turut boleh menyertai aktiviti “Coretan Perpaduan” dengan berkongsi harapan dan aspirasi mereka terhadap masa depan perpaduan negara.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata “Penganjuran ini selari dengan usaha pembinaan Negara Bangsa melalui penghayatan terhadap kepelbagaian, pengukuhan jati diri serta pemupukan rasa saling menghormati dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat”.

Walaupun berbeza budaya, adat dan warisan, seluruh rakyat Malaysia berkongsi satu tanah air dan satu cita-cita untuk membina negara yang harmoni, berdaulat dan sejahtera.

Kementerian Perpaduan Negara

3 September 2026

KPN.100-9/1/16 (74)

